

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SETIAWANGSA)**

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) jumlah penjualan / pelupusan aset Boustead Holding Berhad (BHB) setiap tahun antara 2008 hingga 2020; dan
- (b) jumlah pinjaman yang diambil oleh BHB setiap tahun antara 2008 hingga 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah syarikat konglomerat, Boustead Holdings Berhad (Kumpulan Boustead) terlibat di dalam pelbagai aktiviti berkaitan pembelian dan penjualan aset bagi meningkatkan nilai komersil Kumpulan.

Kumpulan Boustead juga turut sama aktif di dalam pasaran modal bagi membiayai keperluan modal kerja (working capital) serta untuk membiayai pembiayaan modal (capital expenditure) yang diperlukan oleh syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Boustead.

Sepanjang tahun 2008 hingga Mac 2020, Kumpulan Boustead telah membuat beberapa pelupusan aset sebanyak RM2.7 bilion.

Dari aspek pinjaman pula, dari tahun 2008 sehingga Mac 2020, jumlah pinjaman Kumpulan Boustead telah meningkat dari RM3.4 bilion ke RM7.9 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM4.5 bilion. Peningkatan ini telah disumbangkan oleh peningkatan kumulatif pinjaman jangka panjang sebanyak RM2 bilion dan peningkatan kumulatif pinjaman jangka pendek sebanyak RM2.5 bilion.

Terima kasih.